

**Pinda undang-undang dengan matlamat ke arah imej positif  
Utusan Online  
23 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR 22 Mac - Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah bertitah, usaha memperbaharui, menyemak dan mengkaji semula undang-undang perlu dilaksanakan dalam semangat ke arah membina imej positif.

Titah baginda, ia juga perlu dilaksanakan ke arah mempraktikkan amalan demokrasi yang lebih tulen di negara ini.

"Penubuhan jawatankuasa khusus bagi mengkaji dan mendapatkan pandangan menyeluruh berhubung penggubalan dan pindaan undang-undang merupakan budaya sihat yang dapat membantu mengukuhkan demokrasi negara.

"Dengan adanya perjumpaan serta perbincangan, penggubal dasar dan undang-undang berpeluang mendengar secara langsung maklum balas daripada pelbagai untuk mengimbangi pelbagai pandangan ketika melakukan kerja-kerja penggubalan," titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada majlis Konvokesyen Ke-17 Peperiksaan Sijil Amalan Guaman 2011 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Titah baginda, langkah itu dapat memastikan undang-undang tersebut adalah komprehensif, relevan, tepat serta selaras dengan peruntukan undang-undang utama negara iaitu Perlembagaan Persekutuan.

Raja Dr. Nazrin bertitah, walaupun proses itu mungkin lebih rumit dan memakan masa lebih lama, ia merupakan pendekatan terbaik yang dapat menangkis persepsi negatif terhadap undang-undang baru atau bakal dipinda kelak.

"Beta percaya undang-undang yang dihasilkan melalui kaedah, musyawarah, konsultasi serta bermuafakat akan lebih mantap dan lebih kemas sifatnya.

"Di samping itu, ia dapat meminimumkan kontroversi serta lebih mudah diterima dan dihargai oleh rakyat yang mahukan jaminan bahawa keadilan akan berlangsung secara lebih saksama dan telus," titah baginda.

Titah Raja Dr. Nazrin, pengamal undang-undang di negara ini diseru tidak mudah berpuas hati dengan pencapaian ketika ini lebih-lebih lagi dalam keadaan negara sedang dalam proses memperkenalkan liberalisasi kepada sub sektor perkhidmatan tersebut.

"Liberalisasi kini merupakan satu keperluan khususnya dalam usaha mahu meyakinkan pelaburan langsung asing dan juga meningkatkan daya saing negara yang perlu diterima secara positif.

"Justeru, daya saing global serta kepelbagaian keperluan masa kini memerlukan barisan peguam yang kompeten serta sentiasa mahu berusaha memperkayakan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran," titah baginda.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0323&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Parlimen&pg=pa\\_02.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0323&pub=Utusan_Malaysia&sec=Parlimen&pg=pa_02.htm)

